

Bimbing remaja guna kaedah terkini

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya masyarakat memahami jiwa, kehendak dan cita rasa remaja serta belia yang kini melalui perubahan ketara berikutan proses urbanisasi, teknologi maklumat dan globalisasi amat bertepatan.

Generasi muda adalah aset terpenting yang akan mewarisi kepemimpinan negara pada masa depan. Kejayaan untuk menjadi sebuah negara maju pada masa hadapan banyak bergantung kepada keupayaan kepemimpinan generasi muda sekarang.

Generasi muda seperti remaja hari ini perlu dibimbing dan dipersiapkan mengikut kehendak arus pembangunan negara. Secara normalnya, remaja tidak suka dikongkong dan menyukai kehidupan yang bebas. Apabila berasakan diri me-

reka dikongkong maka akan wujud pemberontakan dalam diri remaja.

Keinginan untuk mencuba dan melakukan sesuatu yang baru adalah satu dorongan yang kuat bagi umur peringkat remaja. Remaja juga sering melakukan sesuatu kerana dorongan dan cabaran dari rakan mereka.

Proses urbanisasi, globalisasi dan kemajuan komunikasi teknologi maklumat memberi impak besar kepada keupayaan berfikir dan bertindak laku manusia. Golongan remaja dan belia tidak terkecuali daripada melalui perubahan besar kesan dari ketiga-tiga faktor ini.

Justeru, segala program yang ingin dijalankan ke atas remaja dan belia perlu berorientasikan pendekatan yang mengambil kira kesan kepada proses urbanisasi, globalisasi dan perubahan

teknologi maklumat. Kaedah lama yang bersifat memaksa atau memberi label buruk sudah tidak relevan sekarang.

Secara rasionalnya kaedah melabel dan memaksa kurang bersesuaian memandangkan dari sudut perkembangan manusia, remaja yang merujuk kepada peringkat transisi (peralihan) antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa sedang mengalami pelbagai perubahan yang drastik.

Ini termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Emosi remaja juga sering tidak stabil, dan sentiasa 'bermasalah' selain selalu menunjukkan perasaan ingin tahu yang lebih menyeluruh terhadap diri mereka dan alam sekeliling. Daya berfikir dan bertindak laku remaja masih berkembang dan belum sampai ke satu tahap yang mantap.

Dalam negara ingin mencapai tahap negara maju, kemajuan yang berteraskan kemajuan material perlu diselarikan dengan kemajuan kerohanian.

Bagi mencapai hasrat ini, pembangunan insan yang menekankan penghayatan nilai murni wajar diterapkan dalam pembangunan generasi muda.

Seperti kata Najib, jika dipraktikkan pemimpin dan masyarakat melaksanakan program yang boleh memba-wa remaja dan belia bersama, semua remaja termasuk yang bermasalah boleh disatukan seterusnya menghindarkan mereka daripada kegiatan yang tidak bermanfaat.

**PROF MADYA DATIN
DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains Islam
Malaysia.*